



**SEKOLAH HOSPITALITI DAN PELANCONGAN
KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER JANUARI 2015**

KURSUS	:	PENGAJIAN MALAYSIA
KOD KURSUS	:	MPU1013
PEPERIKSAAN	:	11 MEI 2015
MASA	:	9.00 PG – 12.00 TGH (3 JAM)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian: **BAHAGIAN A (20 Markah)**
BAHAGIAN B (70 Markah)
BAHAGIAN C (10 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (Jumlah : 20 Markah)**SOALAN ANEKA PILIHAN****ARAHAN : Jawab SEMUA Soalan****Sila gunakan borang OMR yang disediakan.****Soalan 1** berdasarkan pernyataan di bawah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Kadazan• Dusun• Bajau |
|---|

1. Ketiga-tiga suku kaum di atas ialah suku kaum yang terdapat di _____.
 - A. Sabah
 - B. Sarawak
 - C. Kalimantan
 - D. Brunei

2. Proses sekumpulan minoriti yang mengamalkan budaya kumpulan majoriti dan bukan secara keseluruhannya dalam cara hidup masyarakat dikenali sebagai _____.
 - A. Amalgamasi
 - B. Akulturasi
 - C. Asimilasi
 - D. Pluralisasi

3. Maulidur Rasul merupakan perayaan yang disambut oleh umat Islam sempena _____.
 - A. Kelahiran Nabi Muhammad SAW
 - B. Turunnya al-Quran
 - C. Perkahwinan Nabi Muhammad SAW
 - D. Kewafatan Nabi Muhammad SAW

4. Menurut Perlembagaan Malaysia, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengikut nasihat Perdana Menteri dalam perkara-perkara berikut **KECUALI** _____.
- A. melantik Ketua Hakim Negara
 - B. melantik Duta-duta Besar Malaysia
 - C. melantik penyimpan mohor besar raja-raja
 - D. mengisytiharkan darurat
5. Menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu mendapat hak istimewa dalam perkara-perkarta berikut, iaitu:
- i. Perkhidmatan Awan
 - ii. Ekonomi
 - iii. Pendidikan
 - iv. Perkhidmatan Swasta
- A. i, dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. semua di atas
6. Peruntukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan boleh dirujuk kepada _____ Perlembagaan Persekutuan.
- A. Perkara 11
 - B. Perkara 3
 - C. Perkara 7
 - D. Perkara 10
7. Apakah agensi yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu dasar kerajaan?
- A. Jabatan Perdana Menteri
 - B. Kementerian
 - C. Suruhanjaya
 - D. Kabinet

8. Peranan penting Yang di-Pertuan Agong dalam proses penggubalan rang undang-undang di Parlimen adalah _____.
- A. memperkenankan rang undang-undang
 - B. tidak memperkenankan rang undang-undang
 - C. membahaskan rang undang-undang
 - D. meminda rang undang-undang
9. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai sistem demokrasi berparlimen di Malaysia?
- A. Pembentukan atau pemilihan kerajaan dibuat berdasarkan suara majoriti
 - B. Rakyat menentukan tampuk pemerintahan melalui pilihan raya
 - C. Rakyat tidak dibenarkan membantah dasar-dasar kerajaan
 - D. Kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan boleh disuarakan dalam sidang parlimen
10. Perlembagaan ialah lambang bahawa negara Malaysia ialah negara yang mempunyai ciri-ciri berikut **KECUALI** _____.
- A. Malaysia sebagai sebuah persekutuan
 - B. Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan
 - C. Malaysia pernah dijajah oleh British
 - D. Ketua Negara Yang di-Pertuan Agong
11. Pilih pernyataan yang **TEPAT** mengenai makna jati diri.
- A. Mempertahankan tradisi dan budaya kumpulan-kumpulan etnik.
 - B. Kesemua bentuk amalan, budaya, bahasa, pegangan, fahaman dan pandangan sejagat
 - C. Agama dan kepercayaan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.
 - D. Adat istiadat yang diwarisi melalui proses sosialisasi dan ikatan tradisi
12. Seseorang layak dilantik sebagai ahli Dewan Rakyat jika berumur _____.
- A. 21 tahun ke atas
 - B. 30 tahun ke atas
 - C. 35 tahun ke atas
 - D. 18 tahun ke atas

13. Salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah penyusunan semula masyarakat yang meliputi strategi-strategi berikut.

- i. Peningkatan pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan
- ii. Penyusunan semula corak guna tenaga
- iii. Penyusunan semula hak milik sektor syarikat
- iv. Pembangunan kawasan bandar dan luar bandar

- A. i, dan ii
- B. i dan iv
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii, iii dan iv

14. Pernyataan yang berikut adalah **BENAR** tentang budaya inovasi/penerimaan dalam nilai-nilai aspirasi 1Malaysia **KECUALI** _____.

- A. kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan ekstrem yang di luar daripada kelaziman budaya
- B. kesediaan rakyat Malaysia mencuba perubahan baharu dan berinovasi
- C. kesediaan rakyat Malaysia mencari jalan penyelesaian baharu dalam menangani masalah
- D. kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan dengan persetujuan bersama

15. Penyata Razak 1956 telah disemak oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Abdul Rahman bin Talib. Penyata Rahman Talib dikeluarkan pada tahun _____.

- A. 1959
- B. 1960
- C. 1961
- D. 1962

16. Antara aspek berikut seharusnya mengambil peranan dalam rancangan tindakan mengikut sektor dalam merealisasikan Dasar Wanita Negara KECUALI _____.
- A. perfileman
 - B. kesihatan
 - C. pendidikan dan latihan
 - D. undang-undang
17. Prinsip Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh _____.
- A. Tun Abdullah Ahmad Badawi
 - B. Tun Dr. Mahathir Mohamad
 - C. Tun Hussein Onn
 - D. Tun Abdul Razak
18. Wawasan 2020 telah diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada _____.
- A. 28 Januari 1991
 - B. 28 Februari 1991
 - C. 28 Mac 1991
 - D. 28 April 1991
19. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan aspek penting pengubalan dasar luar negara Malaysia?
- A. Untuk menjaga keselamatan negara
 - B. Kerjasama ekonomi dan perdagangan
 - C. Kepentingan negara
 - D. Kerjasama dalam pembinaan senjata
20. Sejak menjadi ahli X pada tahun 1957, Malaysia telah mengutarakan beberapa isu seperti masalah perdagangan antarabangsa, penjajahan dan juga penentangan terhadap isu Apartheid di Afrika Selatan. Penubuhan X merujuk kepada _____.
- A. NAM
 - B. PBB
 - C. Komanwel
 - D. ASEAN

BAHAGIAN B (Jumlah : 70 Markah)**SOALAN STRUKTUR****ARAHAN : Jawab SEMUA Soalan****Sila gunakan kertas jawapan yang disediakan.**

1. Berikan definisi pembangunan.
(2 markah)
2. Namakan **EMPAT(4)** jenis kuih Melayu tradisional yang terdapat di Malaysia.
(4 Markah)
3. Malaysia mengamalkan Sistem Pengasingan Kuasa yang melibatkan badan-badan penting dalam negara. Nyatakan badan tersebut.
(3 Markah)
4. Berikan nama **DUA(2)** orang Menteri Kabinet masa kini.
(2 Markah)
5. Nyatakan **TIGA(3)** kandungan Perlembagaan Persekutuan.
(3 Markah)
6. Senaraikan **EMPAT(4)** dasar pembangunan ekonomi dan sosial negara.
(3 Markah)
7. Berikan **EMPAT(4)** fungsi pilihan raya di Malaysia.
(4 Markah)
8. Namakan **DUA(2)** jenis pilihan raya yang dijalankan di Malaysia.
(2 Markah)
9. Berikan **TIGA(3)** kepentingan perlembagaan kepada sesebuah negara.
(3 Markah)

10. Namakan **EMPAT(4)** tokoh yang pernah dilantik sebagai Presiden UMNO.
(4 Markah)
11. Senaraikan **LIMA(5)** daripada nilai-nilai murni yang harus dihayati oleh masyarakat Malaysia dalam dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.
(5 Markah)
12. Nyatakan **LIMA(5)** langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah sosial di negara kita.
(5 markah)
13. Senaraikan **LIMA(5)** peranan Perdana Menteri sebagai ketua badan pelaksana.
(5 Markah)
14. Namakan **LIMA(5)** Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang terdapat di Malaysia.
(5 Markah)
15. Nyatakan **LIMA(5)** buah negara di dunia yang pernah dijajah oleh British dan menjadi ahli KOMANWEL.
(5 Markah)
16. Berikan **LIMA(5)** daripada punca pencemaran air di negara kita.
(5 Markah)
17. Senaraikan **LIMA(5)** buah negeri di Malaysia yang mempunyai raja.
(5 Markah)
18. Rukun Negara mengandungi **LIMA(5)** Prinsip. Senaraikan mengikut susunan yang betul.
(5 Markah)

BAHAGIAN C (Jumlah : 10 Markah)

SOALAN ESEI

ARAHAN : Jawab SEMUA Soalan

Sila gunakan kertas jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Berikan definisi hubungan luar Malaysia .

(2 Markah)

SOALAN 2

Nyatakan empat daripada isu antarabangsa masa kini.

(4 Markah)

SOALAN 3

Pada pendapat anda, bagaimanakah Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka mengatasi masalah isu antarabangsa yang melibatkan hubungan Malaysia dan negara-negara luar?

(4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

